

RINGKASAN EKSEKUTIF

CADANGAN	:	Program Memperkasa Persekitaran Perniagaan Melalui Intervensi 5S kepada 10 Pengusaha & Pengilang Bumiputera, Pulau Pinang Produktif bagi tahun 2021.
TAHUN PELAKSANAAN	:	Tahun 2021
PERUNTUKAN	:	RM100,000 (10 Syarikat)
JABATAN / CAWANGAN/ UNIT	:	MPC Wilayah Utara (NRO)
IMPAK KEPADA RAKYAT	:	1. Melonjakkan usahawan kecil kepada usahawan kelas pertengahan. 2. Membuka peluang perniagaan baru dalam rantai perniagaan sedia ada. 3. Melahirkan usahawan yang berdaya saing dan lebih kompetitif.
LEBIHAN PERUNTUKAN / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS KANAN PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN

Tajuk:

Memperkasa Persekitaran Perniagaan Melalui Intervensi 5S kepada 10 Syarikat Pengusaha & Pengilang Bumiputera, Pulau Pinang Produktif bagi tahun 2021.

1.0 Tujuan

Tujuan kertas kerja ini untuk memaklum dan mendapat pertimbangan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC bagi menjalankan Program Memperkasa Persekitaran Perniagaan melalui Intervensi 5S kepada 10 syarikat Pengusaha dan Pengilang Bumiputera, Pulau Pinang Produktif bagi tahun 2021.

2.0 Latar belakang

- 2.1 Mesyuarat Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang Bilangan 1 tahun 2021 telah diadakan bertempat di Bangunan Persekutuan Pulau Pinang pada 19 Februari 2021 dan MPC Wilayah Utara di jemput untuk membuat pembentangan permohonan peruntukkan.
- 2.2 Pengarah MPC Wilayah Utara, Dr Mazrina Mohammed Ibramsah telah membentangkan permohonan bagi menjalankan aktiviti intervensi yang menjurus kepada usaha memperkasakan peningkatan produktiviti khusus kepada pengusaha dan pengilang bumiputera Pulau Pinang supaya ianya lebih berdaya saing dan kompetitif.
- 2.3 Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) bertempat di Bangunan Persekutuan Pulau Pinang telah mengeluarkan surat persetujuan dan menyalurkan peruntukan melalui *Electronic Funds Transfer* (EFT) kepada MPC Wilayah Utara sebanyak RM100,000 ribu pada Mei 2021 bagi menjalankan intervensi 5S kepada 10 syarikat di bawah Program Pembangunan Pengusaha dan Pengilang Bumiputera.

3.0 Objektif Pelaksanaan

- 3.1 Meningkatkan kecekapan operasi syarikat agar terus berdaya saing dan sentiasa kompetitif.
- 3.2 Mengenalpasti sebarang bentuk pembaziran dan membuat penambahbaikan.
- 3.3 Berkongsi pengetahuan melalui amalan terbaik dari syarikat yang telah berjaya mengamalkan usaha peningkatan produktiviti.

4.0 Kaedah Pelaksanaan

4.1 Program ini melibatkan 2 fasa pelaksanaan iaitu;

- a. FASA 1 :
Pemilihan Syarikat
Penyerahan Surat Lantikan
Pra-diagnostik (*on-line*)
Latihan (*on-line*)
- b. FASA 2 :
Lawatan Perundingan (*online/fizikal*)
Post Diagnostik (*on-line*)
Perkongsian Amalan Terbaik (*online*)
Penganugerahan
Media

4.2 Jangka masa projek : Jun – Oktober 2021

5.0 Aktiviti dan Pecahan Peruntukan

Jadual 1: Aktiviti dan Pecahan Peruntukan Mengikut Jumlah Syarikat

Bil.	Aktiviti	Masa 1 Sykt	Kos 1 Syarikat	Hasil Bersih 1 Sykt	Kos 10 Syarikat	Hasil Bersih 10 Sykt
	FASA 1:					
1	Pra-Diagnostik (<i>on-line</i>)	2 jam	RM500	RM200	RM5,000	RM2,000
2	Penyerahan Surat Lantikan (fizikal)		-		-	
3	Latihan (<i>on-line</i>)	4 jam	RM2,000	RM800	RM20,000	RM8,000
4	Lawatan Perundingan (10 jam <i>on-line</i> /1 fizikal)	10 jam 1 fizikal	RM5,500	RM700	RM55,000	RM7,000
	FASA 2:					
5	Post-Diagnostik (<i>on-line</i>)	2 jam	RM500	RM200	RM5,000	RM2,000
6	Perkongsian Amalan Terbaik (<i>on-line</i>)	1 jam	RM400	RM100	RM4,000	RM1,000
7	Graduasi (fizikal)		RM600		RM6,000	
8	Media/Promosi		RM500		RM5,000	
Kos 1 Syarikat / Kos 10 Syarikat			RM10,000	RM1,900	RM100,000	RM19,000

Pengiraan kos mengikut jam secara on-line / fizikal

- a. Diagnostik : 2 jam = RM300
- b. Latihan / Perundingan / Amalan Terbaik : 1 jam = RM300
- c. Perundingan (fizikal) : 1 hari = RM1,800

- 5.1 Pembekal perkhidmatan MPC akan digunakan dalam pelaksanaan intervensi terutama bagi aktiviti latihan dan lawatan perundingan.
- 5.2 Pelaksanaan pre/post diagnostik akan dilaksanakan oleh pegawai MPC bagi semua 10 syarikat dengan kaedah secara on-line.

6.0 Bidang Intervensi

- 6.1 Fokus utama intervensi ialah amalan persekitaran berkualiti 5S kepada 10 syarikat bumiputera yang akan dikenalpasti. Berikut juga disertakan modul yang akan dikongsi bersama kepada pengusaha bumiputera Pulau Pinang iaitu;
 - a. Amalan Persekitaran Berkualiti 5S
 - b. Audit Dalaman
 - c. 7 Kategori Pembaziran
 - d. Pendektan Lean
 - e. Amalan Kaizen

7.0 Kriteria Pemilihan Syarikat

- 7.1 Syarikat berdaftar dengan SSM.
- 7.2 Terbuka kepada syarikat mikro, kecil dan sederhana.
- 7.3 Memiliki lesen perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan telah menjalankan operasi.
- 7.4 Mempunyai minat dalam usaha peningkatan produktiviti.
- 7.5 Bersetuju berkongsi kejayaan melalui perkongsian amalan terbaik.
- 7.6 Syarikat perlu mengemukakan permohonan menggunakan borang penyertaan secara online.

8.0 Penutup

Lembaga Pengurusan (BOM) MPC adalah dipohon untuk mengambil maklum dan meluluskan aktiviti Memperkasa Persekitaran Perniagaan melalui intervensi 5S kepada 10 syarikat pengusaha bumiputera Pulau Pinang sepertimana dipersetujui semasa Mesyuarat Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang bersama pihak MPC Wilayah Utara.

Disediakan oleh : Nur Rafidah binti Zulkifli
Penolong Pengurus NRO

Disemak oleh : Abdul Malek Mohamad Aripin
Pengurus Kanan NRO

Disahkan oleh : Dr. Mazrina Mohammed Ibramsah
Pengarah NRO

Tarikh : 25 Mei 2021